Keputusan peperiksaan SPM Ulangan diumum 1 Oktober

Oleh BERNAMA - September 24, 2024 @ 4:09pm



Foto hiasan.

PUTRAJAYA: Keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPMU) Tahun 2024 akan dikeluarkan pada 1 Oktober ini.

Kementerian Pendidikan (KPM) dalam satu kenyataan hari ini berkata seramai 8,195 calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan berkenaan di 187 pusat di seluruh negara.

Calon boleh membuat semakan keputusan peperiksaan SPMU Tahun 2024 secara dalam talian di pautan myresultspmu.moe.gov.my bermula pukul 10 pagi pada 1 Oktober sehingga 6 petang 7 Oktober ini.

Kaedah lain adalah melalui sistem pesanan ringkas (SMS) untuk mendapatkan ringkasan keputusan peperiksaan dengan menaip SPMUNoKPAngkaGiliran dan hantar ke 15888.

Sistem itu akan diaktifkan mulai 10 pagi pada 1 Oktober sehingga 6 petang pada 7 Oktober ini.

- BERNAMA